



BIL : Ruj. Kami : MBPJ.UKK.100-9/1/1 (77)

Tarikh : 22 APRIL 2022

PELAKSANAAN KADAR CAJ 'PERCUMA UNTUK 1 JAM PERTAMA' TEMPAT LETAK KERETA (TLK) TERTUTUP *OFF-STREET* DI KOMPLEKS A DAN KOMPLEKS C, SERTA PENEMPATAN TEMPAT LETAK KERETA KAKITANGAN MAJLIS DI SEKSYEN 52, PETALING JAYA

Seksyen 52, Petaling Jaya merupakan Pusat Bandar yang menjalankan aktiviti - aktiviti komersial seperti perbankan, perniagaan, restoran, klinik dan pejabat/agensi kerajaan serta swasta. Keadaan ini telah menyebabkan Seksyen 52 menerima jumlah pengunjung yang tinggi terutama pada waktu puncak yang menyebabkan tempat letak kereta di bahu jalan (*On-street*) yang disediakan tidak mencukupi bagi menampung permintaan pengguna.

Maklumat semakan dan kajian yang telah dilaksanakan oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya terhadap kadar penggunaan **1,891 petak letak kereta awam** di Seksyen 52 adalah seperti berikut:

| Tempat Letak Kereta (TLK) | Jumlah Petak | Kadar Penggunaan Petak Pada Waktu Puncak | | |
|-------------------------------|--------------|--|--------------|------------------------|
| | | Petak Dipenuhi | Petak Kosong | Peratus (%) Penggunaan |
| <i>Bahu Jalan (On-street)</i> | 1,093 | 1,093 Pecahan pengguna: i. Orang Awam : 956 , 87% ii. Kakitangan Majlis : 137 ,13% | - | 100% |
| Kompleks A | 406 | 244 | 162 | 60% |
| Kompleks C | 392 | 168 | 224 | 43% |
| Jumlah | 1,891 | 1,505 | 386 | 80% |

Berdasarkan maklumat di atas, terdapat **386 petak kosong** di TLK *Off-street* yang boleh digunakan oleh pengunjung Seksyen 52 pada waktu puncak. Bagi menarik minat pengunjung untuk meletakkan kenderaan di Kompleks A dan Kompleks C, Majlis akan melaksanakan kadar caj letak kereta '**PERCUMA UNTUK 1 JAM PERTAMA**' di kedua - dua kompleks letak kereta tersebut. Kadar sedia ada RM1.50 bagi jam kedua dan seterusnya adalah terpakai.

Kakitangan Majlis yang menggunakan TLK *On-street* akan ditempatkan ke TLK kakitangan di kawasan Ibu Pejabat MBPJ, Kompleks A dan Kompleks C. Penempatan TLK ini akan meningkatkan jumlah penawaran petak letak kereta sedia ada *On-street* **sebanyak 13%** kepada pengguna awam di Seksyen 52.

Pelaksanaan kadar caj '**PERCUMA UNTUK 1 JAM PERTAMA**' di Kompleks A dan Kompleks C akan bermula pada **25 April 2022**, manakala penempatan TLK kakitangan Majlis dijangka akan selesai di bulan **Mei 2022**.

Untuk sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut berhubung pelaksanaan ini, sila hubungi **Jabatan Perbendaharaan MBPJ** di talian **03-79563544** sambungan **145,138** atau **132**.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat
Majlis Bandaraya Petaling Jaya